Syarat Khusus Produk Frame.io

Berkuat kuasa 19 Mac 2025.

Syarat Khusus Produk ini mengawal penggunaan perkhidmatan dan produk Frame.io ("**Frame**") anda dan digabungkan melalui rujukan ke dalam Syarat Penggunaan Umum Adobe ("**Syarat Umum**") yang boleh didapati di www.adobe.com/go/terms_my (Syarat Khusus Produk dan Syarat Umum ini secara kolektif dirujuk sebagai "**Syarat**"). Istilah berhuruf besar yang tidak ditakrifkan di sini mempunyai makna yang sama seperti yang ditakrifkan dalam Syarat Umum. Sekiranya berlaku percanggahan antara Syarat Umum dengan Syarat Khusus Produk ini, Syarat Khusus Produk ini akan diguna pakai.

1. **Maklumat Peribadi Sensitif.** Sehubungan dengan penggunaan Frame anda, anda boleh memberikan Maklumat Peribadi Sensitif kepada kami dalam Kandungan anda yang anda muat naik ke Frame (yang berbeza daripada maklumat yang diberikan untuk tujuan penciptaan akaun); dengan syarat, walau bagaimanapun, bahawa: (A) anda telah memperoleh semua persetujuan yang diperlukan untuk berbuat demikian; (B) peruntukan Maklumat Peribadi Sensitif itu sendiri tidak meletakkan kami atau mana-mana Ahli Gabungan kami kepada keperluan Akta Gramm-Leach-Bliley 1999 atau Akta Insurans Kesihatan dan Kemudahalihan 1996 ("HIPAA"), dan (C) anda tidak boleh memberikan sama-sekali Maklumat Peribadi Sensitif yang membentuk Maklumat Kesihatan Dilindungi di bawah HIPAA. Kecuali untuk pembelian pelan langganan Frame, Pelanggan tidak boleh memasukkan nombor kad kredit atau data pengesahan pembayaran dalam mana-mana Kandungan Pelanggan.
2. **Sokongan.** Sokongan untuk Frame hendaklah disediakan hanya dalam Admin Console dan melalui support@frame.io. Terma dan syarat sokongan di: https://helpx.adobe.com/my_ms/support/programs/support-policies-terms-conditions.html tidak berkenaan untuk Frame.